

Newspaper	SELANGORKINI
Date	9 SEPTEMBER 2016

Gabungan dua momentum besar *Selangorkini - 9/9/2016*

SHAH ALAM - Perkembangan positif pertemuan Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad disifatkan sebagai bersejarah selepas hampir 20 tahun tidak berjumpa.

Naib Presiden Keadilan, Tian Chua berkata, pertemuan itu juga membuktikan jiwa besar Anwar yang menghadapi pelbagai kesulitan selain pengorbanan demi menyelamatkan negara yang dilanda pelbagai krisis di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Anwar tetap bersalaman dan berbincang isu negara bersama Mahathir. Melihat perkembangan ini, mereka rela mengeneipkan masalah dan ketegangan masing-masing serta bekerjasama dalam kes yang sangat membahayakan demokrasi negara," katanya ketika dihubungi Selangorkini, pada 6 September lalu.

Pada 5 September lalu, Anwar dan Mahathir bersalaman dalam Mahkamah Tinggi Rayuan Kuasa-Kuasa Khas di Kompleks Mahkamah Jalan Duta,

Kuala Lumpur, tepat jam 3.09 petang.

Anwar hadir ke mahkamah bagi menfailkan injunksi menghalang Perdana Menteri meneruskan pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016 selain memohon pengisytiharan bahawa Akta MKN tidak berperlembagaan dan tidak sah kerana ia dikuatkuasakan menurut Fasal 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan.

Ahli Parlimen Batu itu berkata, perkembangan positif berkenaan juga adalah suatu usaha yang baik daripada dua tokoh apabila sanggup bekerjasama demi menentang undang-undang berkenaan.

"Mahathir sokong Anwar dalam kes ini dan beberapa yang lain demi kepentingan rakyat juga negara. Ia adalah langkah besar dan semua pihak perlu sedar bahawa dua tokoh ini mempunyai pengaruh masing-masing.

"Jika digabungkan, maka ia akan menghasilkan satu momentum besar untuk rakyat dan negara khususnya," katanya.

